

20/03/1998

Restoran India minta tangguh hantar pendatang

PETALING JAYA, Khamis - Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, akan meminta Kabinet melanjutkan tempoh penghantaran pulang bagi lebih kurang 45,000 pekerja asing di restoran India dan India Muslim di negara ini.

Beliau akan membentangkan kertas kerja mengenai kedudukan pekerja asing yang kebanyakannya berasal dari India di 8,000 restoran seumpama itu sebelum April ini.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-4 Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia di sini petang ini, beliau berkata pengusaha restoran India dan India Muslim di negara ini akan mengalami masalah kekurangan pekerja jika penghantaran pulang pekerja asing berkuatkuasa Ogos ini.

Katanya, ada restoran yang mungkin terpaksa ditutup berikutan kesukaran mendapatkan warga tempatan bekerja di restoran mereka.

"Justeru, saya akan meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menimbang dengan sewajarnya permohonan pemilik restoran terbabit supaya membenarkan penghantaran pulang pekerja asing mereka ditangguhkan.

"Sudah tentu kita tidak boleh bergantung kepada mereka selama-lamanya. Justeru, saya mencadangkan supaya restoran terbabit dibenarkan mengambil tukang masak asing untuk satu atau dua tahun bagi memberi latihan kepada pekerja tempatan," katanya.

(END)